



**MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN  
KERJASAMA AWAM-SWASTA  
(PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP - PPP)**

**Unit Kerjasama Awam-Swasta  
Jabatan Perdana Menteri  
PUTRAJAYA**

**GARIS PANDUAN KERJASAMA AWAM-SWASTA  
(PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP - PPP)**

**Keluaran  
UNIT KERJASAMA AWAM-SWASTA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dan isi kandungan dokumen ini dengan apa jua bentuk dan cara yang bertujuan mendapat keuntungan sebelum mendapat izin bertulis daripada pengeluar.

Ketua Pengarah  
Unit Kerjasama Awam-Swasta  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 14, Blok Menara  
Lot 2G6, Presint 2  
No 18, Persiaran Perdana  
**62652 PUTRAJAYA**

No Tel : 03-8880 5947/5935  
No Faks : 03-8880 5900

## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>Pengenalan</b>	4
<b>Rangka Konsep</b>	5
<b>Prinsip Pembayaran</b>	6
<b>Kriteria Penilaian Projek</b>	7
<b>Struktur Pelaksanaan Projek</b>	9
<b>Peranan Agensi Pelaksana</b>	10
<b>Aspek Perundangan</b>	12
<b>Prosedur Pemprosesan dan Pelaksanaan</b>	13
<b>Panduan Penyediaan Rangka Kerja Projek PPP</b>	14
<b>Senarai Lampiran:</b>	
Lampiran 1: Perbezaan Pendekatan Konvensional, PPP dan Pensiwaan	16
Lampiran 2: Contoh Format Muka Hadapan Rangka Kerja Projek PPP	17
Lampiran 3: Contoh Format Rangka Kerja Projek PPP	18

## PENGENALAN

Kerajaan telah memperkenalkan pendekatan Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private Finance Initiatives) - PFI - dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9) yang merupakan satu alternatif baru di bawah rangka kerjasama awam-swasta (Public Private Partnership - PPP) bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan. Pendekatan ini mencerminkan hasrat Kerajaan untuk mempergiatkan penglibatan pihak swasta dalam ekonomi seterusnya menggalakkan lagi pertumbuhan pelaburan dalam negara.

2. Tujuan dokumen ini ialah untuk memberi penjelasan kepada agensi mengenai prinsip-prinsip asas dan prosedur PPP yang telah dirangka oleh Kerajaan sebagai panduan melaksanakan pendekatan ini. Dalam hubungan ini, dokumen ini mengandungi maklumat mengenai perkara-perkara berikut:

- i. rangka konsep PPP
- ii. prinsip pembayaran
- iii. kriteria penilaian projek
- iv. struktur pelaksanaan projek
- v. prosedur pemprosesan dan pelaksanaan
- vi. panduan penyediaan *business case* projek

3. Garis panduan ini adalah tertakluk kepada andaian seperti berikut:

- i) pihak yang menandatangani kontrak PPP dengan pihak Kerajaan adalah *special purpose vehicle* (SPV) manakala subkontraktor/komponen SPV akan menyediakan perkhidmatan bagi pihak SPV tersebut;
- ii) projek melibatkan pembangunan, pembinaan dan pengoperasian secara bersepadu; dan
- iii) projek dibiayai melalui *limited recourse debt* dan ekuiti

Bagi projek yang tidak memenuhi andaian umum seperti di para 3 di atas, agensi perlulah merujuk kepada Unit Kerjasama Awam-Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM).

## RANGKA KONSEP

4. PPP merupakan satu bentuk kerjasama di antara sektor awam-swasta di mana satu *stand alone business* diwujudkan, dibiayai dan diuruskan oleh sektor swasta sebagai satu pakej yang meliputi pembinaan, pengurusan, penyenggaraan, pembaikan dan penggantian aset sektor awam meliputi bangunan, infrastruktur, peralatan dan kemudahan. Pendekatan ini telah diguna pakai secara meluas di lebih 120 buah negara termasuk Australia, Kesatuan Eropah (EU), United Kingdom dan Singapura dalam pelbagai sektor seperti kesihatan, pendidikan, pentadbiran, pengangkutan dan pertahanan.

5. Konsep pelaksanaan PPP di bawah seliaan UKAS, JPM adalah satu lagi kaedah perolehan Kerajaan berasaskan kepada prinsip sesuatu kemudahan awam dibina, diselenggara dan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta tanpa sokongan dan sumbangan kewangan oleh Kerajaan. Dalam hubungan ini, implikasi kewangan kepada Kerajaan adalah berbentuk bayaran sewa/perkhidmatan sepanjang tempoh konsesi. Pindahan hak milik aset selepas tempoh konsesi adalah merupakan suatu pilihan dan bukan pra-syarat atau kemestian.

6. Pendekatan ini adalah berbeza daripada kaedah bina-pajak-selenggara-pindah (*build-lease-maintain-transfer*) atau kaedah bayaran tertangguh (*deferred payment*) disebabkan melalui kaedah PPP, penekanan lebih diberikan kepada pencapaian *value for money* menerusi:

- i. agihan risiko yang optimum di antara pihak Kerajaan dan syarikat;
- ii. kos keseluruhan jangka hayat aset (*whole life cycle costings*);
- iii. inovasi dalam rekaan, pembinaan dan penyenggaraan;
- iv. penekanan kepada output (*output driven*); dan
- v. prestasi penyampaian perkhidmatan.

Secara khususnya agihan risiko adalah aspek yang membezakan PPP daripada perolehan konvensional dan penswastaan. Perbezaan antara pendekatan PPP dengan perolehan konvensional dan penswastaan adalah seperti di Lampiran 1.

7. Pelaksanaan PPP di Malaysia bertujuan menggalakkan perkongsian pintar antara sektor awam dan swasta dalam menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang.

## PRINSIP PEMBAYARAN

8. Prinsip pembayaran adalah berdasarkan prestasi penyampaian perkhidmatan syarikat yang mana Kerajaan akan hanya membuat bayaran sekiranya sesuatu perkhidmatan yang disampaikan itu menepati tahap perkhidmatan yang telah dipersetujui (*pre-agreed service level*) atau Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator- KPI*) yang telah ditetapkan. Bayaran kepada pihak syarikat merangkumi kos pembangunan dan penyenggaraan, pulangan ke atas ekuiti dan kos pembiayaan. Sekiranya kerosakan berlaku sehingga menghalang penggunaan aset/bangunan, syarikat perlu menyediakan tempat yang menyamai atau melebihi kualiti aset/bangunan sedia ada dan membiayai kos yang berkaitan. Kegagalan mematuhi KPI boleh menyebabkan syarikat dikenakan penalti yang mana pada asasnya penalti tersebut secara tidak langsung merupakan satu bentuk mekanisme kawal selia dan pemantauan bagi pelaksanaan projek PPP.

9. Kaedah pembayaran bagi projek PPP adalah seperti berikut:

i. Perolehan Aset Yang Melibatkan Pindah Milik

Perolehan aset secara PPP digunapakai apabila sesuatu projek itu melibatkan pindah milik aset kepada pihak Kerajaan sebagai contoh projek-projek pembinaan fizikal. Dalam keadaan ini, bentuk bayaran daripada Kerajaan akan terbahagi kepada dua iaitu *availability payment* sebagai bayaran berkala bagi kemudahan yang disediakan dan *maintenance payment* sebagai bayaran bagi kos penyenggaraan. Jumlah bayaran bagi *availability payment* akan dibayar sepenuhnya apabila kemudahan yang dibina dapat digunakan dalam *good working order*.

ii. Perolehan Aset Yang Tidak Melibatkan Pindah Milik

Bagi projek PPP yang tidak melibatkan pindah milik aset di akhir tempoh konsesi, bayaran tidak boleh dipecahkan mengikut bahagian-bahagian tertentu. Sebaliknya, keseluruhan bayaran sewa/pajakan akan menghadapi risiko tersebut sekiranya tahap perkhidmatan dan penyelenggaraan tidak memenuhi tahap KPI.

## KRITERIA PENILAIAN PROJEK

10. Bagi membolehkan Kementerian/agensi mengenal pasti dan memilih cadangan projek atau perkhidmatan yang sesuai dilaksana secara PPP, antara lain, kriteria-kriteria berikut digunakan sebagai panduan:

### I. Jenis Kegiatan atau Projek:

- (i) cadangan projek menepati pernyataan keperluan (*statement of needs*) dan keutamaan Kerajaan untuk sesuatu tempoh rancangan tertentu;
- (ii) cadangan projek melibatkan pembinaan aset yang mempunyai jangka hayat ekonomi yang panjang dan memerlukan penyelenggaraan yang berterusan sekurang-kurangnya 20 tahun;
- (iii) cadangan projek menggabungkan pembinaan dan penyelenggaraan aset untuk sepanjang tempoh konsesi. Perlu dipastikan juga bahawa penggabungan ini mempunyai manfaat skala ekonomi (*economies of scale*) yang dapat dinikmati bukan sahaja oleh pihak syarikat tetapi juga pihak Kerajaan sebagai pembeli perkhidmatan;
- (iv) spesifikasi output dapat dikenalpasti bagi membolehkan pengagihan risiko yang optima antara pihak-pihak yang terlibat;
- (v) cadangan projek tidak melibatkan:
  - jenis dan kandungan teknologi yang belum stabil atau berubah-ubah dalam jangka masa pendek. Sebagai contoh peralatan perubatan berteknologi tinggi serta projek-projek ICT;
  - komponen / peralatan / perkhidmatan yang biasanya melibatkan kaedah *outsourcing*
- (vi) cadangan projek tidak melibatkan penyampaian perkhidmatan di mana kawalan pengurusan seharian dan akauntabiliti perlu terus kekal di pihak Kerajaan. Sebagai contoh khidmat klinikal di hospital;
- (vii) cadangan projek perlu mempunyai daya maju di mana Kerajaan mengambil peranan sebagai pembeli perkhidmatan dan caj yang

dikenakan adalah setanding dengan harga pasaran atau sekurang-kurangnya menunjukkan penjimatan;

- (viii) projek yang menjana *third party revenue* yang boleh dikongsi dengan Kerajaan; dan
- (ix) projek yang memerlukan pelaksanaan segera tidak sesuai dilaksanakan mengikut pendekatan PPP.

## **II. Kelayakan Syarikat dan Peneraju**

- (i) peneraju utama SPV bagi projek PPP perlu mempunyai kedudukan kewangan yang mantap serta mempunyai sumber kepakaran pengurusan dan teknikal yang berkaitan;
- (ii) nilai modal berbayar syarikat SPV terbabit adalah sekurang-kurangnya 10% daripada nilai projek;
- (iii) syarikat SPV perlu membuktikan ia mempunyai keupayaan bukan sahaja untuk membina aset dan mengurus risiko tetapi juga menyelenggara aset tersebut; dan
- (iv) syarikat SPV perlu mempamerkan tahap inovasi yang sesuai yang dapat menyumbang kepada kualiti perkhidmatan yang disediakan serta memberi nilai ekonomik kepada pembeli perkhidmatan.

## **III. Lain-lain Kriteria**

- (i) Moratorium Terhadap Pegangan Ekuiti Dalam Syarikat SPV: Pemilik ekuiti di dalam syarikat yang ditubuhkan bagi melaksanakan PPP perlu mengekalkan pegangan ekuiti mereka sekurang-kurangnya lima tahun selepas aset terlibat mula beroperasi. Perubahan pemilikan dan struktur pegangan ekuiti selepas 5 tahun perlu mendapat kelulusan UKAS, JPM; dan
- (ii) Penyertaan syarikat asing dalam projek PPP adalah dibenarkan sekiranya kemahiran yang diperlukan bagi meningkatkan kecekapan tidak terdapat dalam negara dan sekiranya modal tempatan tidak mencukupi.




## STRUKTUR PELAKSANAAN PROJEK

11. Struktur pelaksanaan projek PPP akan melibatkan beberapa pihak yang berkepentingan seperti berikut:

- Syarikat kontraktor pembinaan
- Syarikat pengurusan fasiliti
- Institusi pembiaya kewangan projek
- Lain-lain pelabur

Rajah 1: Struktur Pelaksanaan Projek PPP



## PERANAN AGENSI PELAKSANA

12. Agensi pelaksana perlu terlibat sepenuhnya dan secara aktif dari awal peringkat perancangan projek bagi memastikan pelaksanaan serta pemantauan projek dapat berjalan dengan berkesan. Agensi pelaksana juga terlibat sepenuhnya dalam perundingan teknikal dan kewangan serta syarat dan terma perjanjian konsesi. Bagi memastikan syarikat konsesi mematuhi syarat dan terma perjanjian serta piawaian, kualiti dan masa perkhidmatan seperti ditetapkan melalui KPI, agensi berkenaan perlu mewujudkan satu unit khas yang bertanggungjawab mengawal selia dan memantau pelaksanaan dan penyenggaraan projek secara berterusan. Bagi memastikan keupayaan agensi pelaksana mengawal selia dan memantau pelaksanaan projek, usaha perlu diambil bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman tenaga kerja yang terlibat dengan projek yang akan dilaksanakan.

13. Peranan agensi pelaksana dibahagikan kepada beberapa peringkat seperti berikut:

(i) Peringkat Perancangan

Di peringkat awal, pihak Kementerian/agensi perlu memastikan keperluan projek sebenar dan skop/spesifikasi output yang dikehendaki seterusnya mengkaji anggaran serta implikasi bayaran yang akan dibuat kepada pihak syarikat sepanjang tempoh konsesi. Sebaik sahaja perkara-perkara tersebut telah dikenalpasti, cadangan projek yang berkenaan bolehlah diajukan kepada UKAS, JPM untuk penilaian lanjut seterusnya proses bagi mendapatkan kelulusan secara prinsip daripada Jemaah Menteri. Sebaik sahaja mendapat kelulusan prinsip, agensi bolehlah melaksanakan proses tender.

**Sebagai satu mekanisme kawalan, permohonan peruntukan pembangunan bagi pelaksanaan cadangan projek-projek secara konvensional akan dikurangkan sekiranya lebih banyak projek-projek Kementerian/agensi sesuai dilaksanakan secara PPP. Dalam erti kata lain, projek yang pada awalnya dicadang dilaksana melalui peruntukan pembangunan menjadi *trade off* kepada projek PPP yang dicadangkan.**

(ii) Proses Tender

Bagi tujuan mengelakkan kekeliruan dan pertindihan fungsi dalam pelaksanaan tender untuk projek-projek PPP, skop dan bidang tugas Lembaga Tender dan Perolehan sedia ada di peringkat agensi perlu

diperluaskan merangkumi tender bagi projek-projek PPP. Lembaga berkenaan bertanggungjawab melaksanakan semua proses pembidaan dan memperakukan tiga (3) syarikat yang telah disenarai pendek kepada Jawatankuasa PPP di UKAS, JPM untuk pertimbangan dan pemilihan syarikat terbaik. Jawatankuasa PPP di UKAS, JPM, yang turut dianggotai oleh agensi pelaksana bertanggungjawab terhadap proses rundingan syarat dan terma perjanjian dengan syarikat yang terpilih.

Kementerian/agensi pelaksana perlu mematuhi peraturan dan tatacara perolehan seperti mana yang terkandung dalam Arahan Perbendaharaan/ Pekeliling Perbendaharaan/Surat Pekeliling Perbendaharaan Tatacara Penyediaan, Penilaian dan Penerimaan Tender yang sedang berkuatkuasa. Semua kos yang berkaitan penyediaan dokumen pembidaan, taklimat dan penjelasan lanjut berhubung penawaran bidaan hendaklah ditanggung sendiri oleh syarikat yang terbabit.

(iii) Semasa Pembinaan

Bagi memastikan projek berjalan dengan lancar bahagian yang berkaitan di Kementerian/agensi perlu memantau pelaksanaan projek dari masa ke masa. Dalam hubungan ini, Kementerian/agensi perlu memastikan kerja-kerja fizikal yang dilaksanakan memenuhi spesifikasi output dan konsep reka bentuk terperinci, pematuhan kepada peraturan dan undang-undang yang berkaitan serta jadual pelaksanaan kerja yang ditetapkan. Dalam hubungan ini, Seksyen Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri akan menjadi *lead agency* dalam menentukan spesifikasi output sesuatu projek PPP yang dicadangkan.

(iv) Semasa Konsesi

Kementerian/agensi melalui satu unit khas adalah dikehendaki memantau prestasi perkhidmatan selaras dengan KPI yang ditetapkan serta pematuhan kepada syarat dan terma kontrak seterusnya membuat pembayaran sewajarnya kepada pihak syarikat.

(v) Sebelum tamat konsesi

Dalam masa 24 bulan sebelum tamat tempoh konsesi, Kementerian/agensi perlu melaksanakan kerja-kerja pengauditan aset bagi memastikan aset yang akan dipindahmilik kepada Kerajaan berada dalam keadaan *good working order*.


## **ASPEK PERUNDANGAN**

14. Kementerian/Agensi hendaklah merujuk kepada Jabatan Peguam Negara atau Bahagian Undang-undang di Kementerian/agensi masing-masing berkenaan klausa-klausa standard perjanjian konsesi yang mana kebanyakan klausa standard tersebut adalah berdasarkan format perjanjian PPP, bergantung kepada kaedah yang terpakai. Di samping itu, aspek-aspek perundangan berkaitan pemilikan, penjualan atau pajakan tanah oleh Kerajaan juga perlu diteliti dan diambil kira dalam menilai sesuatu cadangan projek PPP. Terma dan syarat-syarat perjanjian PPP hendaklah mengambilkira prinsip-prinsip asas PPP.

## PROSEDUR PEMROSESAN DAN PELAKSANAAN

15. Carta aliran kerja pemrosesan dan pelaksanaan projek PPP adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Carta Aliran Proses Bagi Projek-Projek PPP**



## PANDUAN PENYEDIAAN RANGKA KERJA PROJEK PPP

16. **Rangka Kerja (Business Case) Projek PPP** ialah dokumen yang menerangkan mengenai projek secara terperinci untuk penilaian UKAS, JPM yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. **Tajuk** yang ringkas dan dapat menerangkan perkara projek.
- ii. **Pengenalan** mengandungi penerangan ringkas mengenai latar belakang projek dan penyataan masalah.
- iii. **Objektif** yang menjelaskan dengan terperinci tujuan projek.
- iv. **Justifikasi** yang mengandungi penjelasan mengenai keperluan projek serta pilihan kaedah dan proses perolehan yang terbaik bagi melaksanakan projek. Ia juga merangkumi penerangan secara ringkas ke atas pemilihan skop projek dan kesesuaian tapak projek.
- v. **Keterangan projek** yang mengandungi perkara-perkara berikut:
  - a) Spesifikasi Output dan *Key Performance Indicator*;
  - b) Syarat dan terma utama perjanjian;
  - c) Mekanisme Pembayaran;
  - d) Matriks Agihan Risiko - Merangka matriks risiko yang merangkumi kategori risiko yang dijangka akan dihadapi oleh sektor awam dalam pelaksanaan projek serta mengenal pasti risiko secara spesifik;
  - e) tempoh masa yang dijangka untuk melaksanakan projek serta aktiviti-aktiviti utama yang terlibat.
- vi. **Cadangan Kewangan Projek** termasuk anggaran kos pembangunan/penyenggaraan, kaedah/kos pembiayaan serta anggaran pendapatan sampingan (*third party revenue*).

17. Format dan cara menyediakan Rangka Kerja Projek PPP:

- i. **Format muka hadapan Rangka Kerja PPP** ialah mengikut contoh di Lampiran 2 dan **Format Rangka Kerja PPP** ialah mengikut contoh Lampiran 3.
- ii. **Lampiran** kepada Rangka Kerja PPP, seperti spesifikasi output dan pengagihan risiko hendaklah disediakan oleh kementerian atau agensi yang menyediakan Rangka Kerja PPP.

- iii. **Taraf** Rangka Kerja PPP dan lampiran-lampirannya dari peringkat draf, adalah **SULIT** dan oleh itu hendaklah dipastikan kawalan dan keselamatannya mengikut **ARAHAN KESELAMATAN** Kerajaan.
- iv. **Ukuran kertas** ialah **A4** dan ditaip mengikut jarak (*spacing*) satu (*single*) dengan menggunakan komputer. Saiz font yang seragam iaitu **Arial saiz 12** hendaklah digunakan dalam penyediaan Rangka Kerja PPP.
- v. **Istilah teknikal atau perkataan yang mungkin menimbulkan kekeliruan** hendaklah dijelaskan sewajarnya. Istilah itu boleh dijelaskan dengan mewujudkan lampiran mengenai **PENJELASAN ISTILAH**.
- vi. Hendaklah **ditandatangani oleh Ketua Jabatan** sebelum dikemukakan kepada UKAS, JPM.

18. Pihak swasta adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan projek PPP melalui Kementerian/agensi yang berkaitan. Sebarang pertanyaan hendaklah diajukan kepada:

Ketua Pengarah  
Unit Kerjasama Awam-Swasta  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 14, Blok Menara  
Lot 2G6, Presint 2  
No 18, Persiaran Perdana  
**62652 PUTRAJAYA**

No Tel : 03-8880 5947/5935  
No Faks : 03-8880 5900

**PERBEZAAN PENDEKATAN KONVENSIONAL, PPP DAN PENSWASTAAN**

<b>Conventional</b>	<b>PPP</b>	<b>Privatization</b>
Procurements are funded directly via public budget.	Funding via private financial resources without public sector's explicit guarantee.	Funding via private financial resources without implicit or explicit public sector guarantee.
Immediate impact on public sector financial position.	Impact on public budget spreads over the duration of the concession.	No impact on the level of public sector expenditure.
Risks are entirely borne by public sector.	Risks are allocated to parties which can manage them most efficiently	Risks are entirely borne by the private sector.
Extensive public sector involvement at all stages of project life.	Public sector's involvement is through enforcement of pre-agreed KPIs.	Government acts as regulator.
Relationship with private contractor is short term.	Long duration of relationship with private contractors.	Long duration of relationship with private contractors.
Applicable for projects with high socio-economic returns and those justified on strategic considerations.	Applicable for projects which are commercially viable where public sector is the main purchaser of the output.	Applicable for projects with high commercial viability where public sector is not the main purchaser of the output.



**CONTOH FORMAT MUKA HADAPAN  
RANGKA KERJA PROJEK PPP**

**SULIT**



**KERAJAAN MALAYSIA**

**RANGKA KERJA PROJEK PPP**

**PROJEK :**

**“PEMBANGUNAN KAMPUS ...”<sup>\*1</sup>**

**JANUARI 2009 <sup>\*2</sup>**

**(KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA) <sup>\*3</sup>**

**SULIT**

**Catatan :**

- <sup>\*1</sup> Catatkan tajuk projek dengan huruf besar menggunakan Arial 16.
- <sup>\*2</sup> Catatkan bulan dan tarikh Rangka Kerja Projek PPP ditandatangani.
- <sup>\*3</sup> Catatkan nama kementerian atau agensi yang berkenaan

**CONTOH FORMAT  
RANGKA KERJA PROJEK PPP**

**SULIT**

**PEMBANGUNAN KAMPUS ... \*1**

**1. PENGENALAN**

Latar Belakang Projek  
Skop Projek  
Pernyataan Masalah

**2. OBJEKTIF**

**3. JUSTIFIKASI**

**4. KETERANGAN PROJEK**

Spesifikasi Output  
Mekanisme Pembayaran  
Matriks Agihan Risiko  
Tempoh Masa Pelaksanaan

**5. PENILAIAN CADANGAN KEWANGAN PROJEK**

Opsyen PPP  
Value for Money  
Kemampuan

\*2

t.t. \*3

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi\*4

Tarikh : 20 Januari 2009\*5

**SULIT**

**Catatan :**

- \*1 Catatan tajuk projek dalam huruf besar.
- \*2 Jika sesuai, boleh ditambah dengan tajuk-tajuk yang lain.
- \*3 Tandatangan Ketua Jabatan berkenaan.
- \*4 Catatan jawatan Ketua Jabatan dan nama agensi.
- \*5 Catatan tarikh Rangka Kerja Projek PPP ditandatangani Ketua Jabatan.